

## Polisi Insurans Kemalangan Diri **Perlindungan INFLASI QBE**

### **RISALAH PENDEDAHAN PRODUK**

(Bacalah Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **Perlindungan Tambahan MEDI QBE**. Pastikan anda juga membaca terma terma dan syarat-syarat umumnya.)

#### **1. Apakah produk ini?**

Polisi ini membayar pampasan jika berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan satu-satunya dan secara langsungnya oleh kemalangan dan tidak merangkumi keuzuran atau penyakit, ataupun jangkitan bakteria atau virus, yang tidak berlaku akibat luka atau kecederaan yang tidak disengajakan.

#### **2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?**

- Kematian Akibat Kemalangan
- Hilang Upaya Kekal
- Hilang Upaya Menyeluruh Secara Sementara
- Pendapatan Sewaktu Berada Di Hospital
- Belanja Perubatan
- Bonus Pembaharuan

#### **Nota:**

Sila rujuk kepada Borang Cadangan untuk mengetahui amaun yang diinsuranskan bagi setiap manfaat yang dinyatakan di atas ini. Bagi kehilangan upaya pula, sila rujuk kepada jadual manfaat di dalam contoh kontrak polisi. Tempoh perlindungan adalah selama setahun. Anda perlu membaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

#### **3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza mengikut pelan yang anda pilih, pekerjaan anda dan keperluan pengunderaitan kami. Sila rujuk kepada borang cadangan untuk mengetahui premium yang dikenakan.

#### **4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

<b>Jenis</b>	<b>Amaun</b>
Komisen yang dibayar kepada ejen insurans yang dikenakan	Setakat 25% daripada premium
Duti setem	RM10
*SST	8%

\*QBE Insurance (Malaysia) Berhad memelihara hak untuk menyesuaikan kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas premium polisi mengikut sebarang perubahan kepada undang-undang dan garis panduan cukai perkhidmatan. Sebarang modifikasi akan dilaksanakan mengikut perubahan rangka kerja undang-undang yang sedia ada dari semasa ke semasa.

#### **5. Apakah kepentingan memberikan keterangan?**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk memberi manfaat insurans perubatan kepada pekerja dan tanggungan mereka, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang patut saya ketahui?**

- **Prosedur Membuat Tuntutan**

Notis harus diberikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh sebarang kejadian yang memungkinkan tuntutan di bawah polisi ini, dengan memberi kami pernyataan bertulis yang terperinci.

- **Premium mesti dibayar sebelum perlindungan dimulakan**

**7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian-kejadian yang berikut:

- Peperangan, tindak balas nukleus, sinaran nukleus atau pencemaran radioaktif
- Keganasan
- Aktiviti sukan profesional
- Memandu atau menunggang dalam apa-apa jenis perlumbaan
- Kecederaan yang disengajakan terhadap diri sendiri atau bunuh diri
- Bersalin, kehamilan atau keguguran kandungan
- Terbang atau aktiviti lain di udara, kecuali sebagai penumpang di atas pesawat berpacuan kuasa yang berlesen secara sah
- Mengidap Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDs)
- Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit Pada Manusia (HIV)

**Nota:**

*Senarai in tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

**8. Bolehkah saya membatalkan polisi ?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis secara bertulis. Setelah dibatalkan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan baki tempoh insurans.

**9. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan pada butir-butir diri saya?**

Anda mesti memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada profil kehidupan anda, termasuklah pekerjaan dan kegemaran anda, yang akan mempengaruhi profil risiko anda.

**10. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?**

Jika anda memerlukan maklumat selanjutnya mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada buku panduan *insuransinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami, ataupun anda boleh memohon naskhah daripada ejen kami, ataupun melayari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

**11. Jenis-jenis perlindungan terhadap Kemalangan Diri yang disediakan ialah:**

- Perlindungan FLEXI QBE
- Perlindungan PENUMPANG QBE

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**QBE Insurance Malaysia Berhad**

*Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia*

No. 638, Aras 6, Blok B1, Leisure Commerce Square,  
No 9, Jalan PJS 8/9 46150, Petaling Jaya,  
Alamat Surat-menyurat: Peti Surat 10637, 50720 Kuala Lumpur.  
Nombor Telefon: 03 7861 8400 Nombor Faks: 03 78737430  
E-mel: [info.mal@qbe.com](mailto:info.mal@qbe.com)

**NOTA PENTING:**

**Anda dinasihatkan memahami jadual manfaat kematian dan hilang upaya di dalam polisi insurans anda. Anda mesti menamakan seorang waris dan memastikan bahawa waris anda itu tahu tentang polisi kemalangan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans ini dan berbincang dengan ejen ataupun terus menghubungi syarikat untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.**

Maklumat yang terdapat di dalam risalah pendedahan ini diterbitkan pada 29/02/2024 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.